

SULIT



Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

JMK323 – Puisi Nusantara

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH (7)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

Pilih dan jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

1. Berdasarkan puisi karya penyair Brunei Darussalam dan Malaysia yang diberi, kenal pasti kebijaksanaan, elemen alam dan sosio-budaya yang cuba dipaparkan oleh penyair-penyair berkenaan (Lampiran A).
(25 markah)
2. Nusantara terdiri daripada kepulauan Melayu yang mempunyai asas kebersamaan dan sifat asasnya iaitu penggunaan Bahasa Melayu. Malaysia, Singapura, Indonesia dan Brunei adalah 4 daripada 11 buah negara di Nusantara yang telah menggunakan Bahasa Melayu dalam melahirkan karya sastera masing-masing. Puisi karya penyair Indonesia dan Malaysia yang diberi mempamerkan sifat kesejagatan tema. Bincangkan (Lampiran B).
(25 markah)
3. Kejayaan peradaban Melayu-Nusantara dikatakan terletak pada bahasa Melayu, tulisan Jawi dan agama Islam yang dianggap sebagai ciri-ciri kemodenan. Bincangkan.
(25 markah)
4. Masyarakat Melayu kaya dengan khazanah sastera Melayu tradisional seperti prosa dan puisi yang dihasilkan dalam bentuk karangan atau rangkap pantun, syair, gurindam dan seloka yang menepati ciri-ciri sebuah karya sastera yang menggunakan nilai seni dengan bahasa sebagai medium dalam penyampaian. Mereka menitik beratkan penggunaan kata-kata dan ungkapan dalam rangkap dengan bunyi yang lebih jelas dan berirama untuk menggambarkan perasaan dan pemikiran.
Bincangkan hal ini dengan merujuk 3 rangkap pantun yang diberi (Lampiran C).
(25 markah)
5. Dalam meneliti karya tokoh-tokoh yang mewakili negara-negara di Nusantara didapati wujudnya persamaan dalam pandang alam, persekitaran, ekonomi, politik dan sosial yang menyerlahkan budaya dan cara hidup mereka. Berdasarkan dua buah puisi karya penyair Singapura dan Malaysia yang diberi, kenalpasti dan bincangkan persamaan tersebut (Lampiran D).
(25 markah)
6. Kajian terhadap puisi Nusantara wajar diberi perhatian yang serius sebagai langkah memastikan kesinambungan tradisi kesusasteraannya. Bincangkan.
(25 markah)

...3/-

Tuhan-ku
semalam aku kembara
dalam segala gerimis
ayer mata dan chinta
ku daki gunung dan belantara
dalam meniti pantai-pantai usia.

Dalam urutan-mu
ku tak bisa jalan jauh
tabir-mu akan berlaboh
hati dan usiaku kian rapoh
kerana hidup ini tiada di Tangguh.

Kaki-ku kian melangkah
Dan berhenti di tembok yang tegoh.

(K.Manis, "Jalan"; Brunei.1975:98)

Jika dikumpulkan seluruh kegelapan malam
dapatkah ditumpaskannya cahaya sebiji bintang
atau mencekekkan cahaya sebatang lilin?

Demikian kebenaran hakiki
tidak dapat dimusnahkan oleh sebarang senjata
atau dihapuskan oleh segenap kuasa dictator

cahaya selamanya indah
di langit dan di bumi

kebenaran selamanya abadi
dipertaruhkan hingga ke titisan darah.

(Nahmar Jamil, "Cahaya dan Kebenaran".Malaysia.1986:29)

Kepada pemeluk teguh

Tuhanku
Dalam termanggu
Aku masih menyebut namaMu

Bar susah sungguh
Mengingat Kau penuh seluruh

cayaMu panas suci
tinggal kerdip lilin di kelam sunyi

Tuhanku

Aku hilang bentuk
Remuk

Tuhanku
Aku mengembara di negeri asing

Tuhanku
Di pintuMu aku mengetuk
Aku tidak bisa berpaling

Chairil Anuar, "Doa". Indonesia.2006:41

Sesekali manusia terlempar di gelap gelita
Bintang-bintang terdiam sementara
Pagi menangguhkan sinarnya
Menghantar manusia ke dasar keberanian
Budi bicara, akal dan pengalaman
Memilih untuk menyerah atau melawan
Memadam atau menyalakan
Sinar di samudera kehidupan
Yang mengarahkan sejarah
Dan mentafsir impian
Betapa besarnya cahaya menunggu di hadapan.

Baha Zain, "MENYERAH atau MELAWAN". Malaysia.1994:21)

...5/-

Pucuk putat warnanya merah
Bila dikirai terbang melayang
Tunduk muafakat mengandung tuah
Sengketa usai dendam pun hilang

(Puisi Lama Nusantara. Pantun sastra Melayu Riau.2002:56)

Parang candung penetak pari
Jatuh ke bumi dimakan semut
Beruntung orang tegak sendiri
Teguh hati tak kenal takut

(Puisi Lama Nusantara. Pantun sastra Melayu Riau.2002:57)

Elok parang kerana besi
Elok besi kerana bajanya
Elok orang kerana berani
Elok berani kerana benarnya

(Puisi Lama Nusantara. Pantun sastra Melayu Riau.2002:66)

Udara
Udara di sini sesak sekali
Persis pesakit yang tenat pernafasannya
Dalam sedetik
2.3 juta sedutan
Dalam ruang terlalu sempit
Dihembus kembali
Dan setiap sedutan dipadati keracunan
Bakal disedut lagi
Berulang dan terus berselang
Hingga pada saatnya
Ada terpaksa dan dipaksa
Untuk mencium bumi.

Di sini...mengalah bererti pasrah
Kerana setia detik adalah perebutan
Antara perut kekalutan
Dengan kemewahan atas injakan
Hingga ada yang tidak punya ruang sama sekali
Untuk bernafas lagi
Pabila udaranya dicuri.

Oleh kaki telah terpijak
Kehidupan mesti diperjuangkan
Biar bagaimana sesak
Biar bagaimana kotor
Udara wajib direbut
Untuk bernafas sesaat lagi.

Abdul Samad Salimin. "Udara". *Berita Minggu*. 2 Sept. 1979.

Apakah makna semua ini?
gempa air, lumpur dan maut?
balasan dosa?
tapi aku tidak berdosa
hanya sesekali terlambat sembahyang
dan berkata menyuka saudara.

Ahli politiklah yang selalu berbohong
tapi tidak dilambung gelombang,
hanya kata-katanya tersadai
di pantai kebenaran;
dan pekedai yang mmencuri timbangan
lebih berdosa daripadaku
yang tak mengurangkan apa-apa
tapi kurang segala-galanya.

Apakah makna semua ini
anak yang kulahirkan
dan ibu yang melahirkanku
dikuburkan air
tanpa izin atau saksianku.

Apakah makna air ini
apakah makna hidup dan masa depan,
kalua carikannya terbenam ke dasar lumpur
dan direputkan
bersama hayat jiran?

Ya Tuhan
apakah makna gempa, banjir
lumpur dan maut,
buat manusia sebanding sarap
di tengah samudera amarah?

Ajarkan makna semua ini
supaya kami dapat terus percaya.

(Muhammad Hj.Salleh. "apakah makna semua ini",2006:11&12)

- oooOooo -